

KENYATAAN AKHBAR

CIDB BELANJA RM646 JUTA UNTUK TVET PEMBINAAN

Kuching, Sarawak, 27 April 2018: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia telah membelanjakan lebih daripada RM646 juta sejak 1997 sehingga kini bagi melatih belia dan personel binaan di enam buah Akademi Binaan Malaysia (ABM) yang terletak di seluruh negara.

Pada tahun 2017, hampir RM52 juta dibelanjakan untuk tujuan ini berbanding RM32 juta pada tahun sebelumnya, iaitu satu peningkatan yang tinggi. ABM yang mempunyai enam cawangan di seluruh negara, menyediakan latihan kemahiran bagi lebih daripada 40 bidang kemahiran pembinaan.

Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof berkata, sejak tahun 2015, CIDB telah mengubah pendekatan latihan di ABM dengan memberi tumpuan kepada latihan di dalam bidang kemahiran yang berimpak tinggi.

“Bidang-bidang berimpak tinggi ini merupakan bidang yang mempunyai permintaan tinggi di dalam industri, menawarkan pendapatan yang lebih lumayan dan berpotensi menarik minat lebih ramai belia tempatan untuk menceburi kerjaya di dalam industri pembinaan,” katanya.

Sepuluh jenis bidang kemahiran berimpak tinggi yang ditawarkan di ABM adalah:

- a. *Scaffolding Erection*
- b. *Welding*
- c. *Wireman*
- d. *Chargeman*
- e. *Gas Pipe Fitting (Fitting/Insulation)*
- f. *Blasting & Painting*
- g. *Non Destructive Testing (NDT)*
- h. *Crane Operation*
- i. *Plant Operation*
- j. *Plumbing*

Daripada tahun 1997 sehingga kini, lebih daripada 377,000 belia dan personel binaan telah menerima latihan di ABM khusus bagi pelbagai bidang kemahiran pembinaan. Selain itu, ABM juga bekerjasama rapat dengan lebih daripada 100 rakan industri untuk menawarkan latihan-latihan yang relevan kepada keperluan industri dan juga menempatkan peserta yang telah tamat latihan untuk menjalankan latihan praktikal di syarikat-syarikat industri pembinaan yang sesuai.

ABM Sarawak

Di Sarawak, lebih daripada 37 ribu belia dan personel binaan telah dilatih di ABM sejak tahun 2010. Dari 2010 sehingga kini, CIDB telah membelanjakan sebanyak RM34.2 juta di ABM Sarawak untuk melatih 32,035 belia dan personel binaan.

ABM Sarawak merupakan pusat latihan yang mempunyai pengkhususan kepakaran di dalam Latihan Pengendalian Jentera Berat (Heavy Machinery Operations) yang sangat tinggi permintaannya di dalam industri. Oleh yang demikian, fasiliti latihan di ABM Sarawak ini juga dilengkapi dengan pelbagai jentera berat yang sering digunakan di dalam industri pembinaan seperti *excavator*, *backhoe*, *wheeloader*, *forklift*, *mobile crane* dan *crawler crane*. Selain itu, terdapat 20 unit *software crane simulator* dan 5 unit *machine simulator* bagi membantu pelatih membiasakan diri dengan pengendalian jentera, sebelum dibenarkan mengoperasi jentera sebenar.

Program Perantisan

Di dalam usaha mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi latihan kemahiran yang ditawarkan di ABM, CIDB telah memulakan program Perantisan atau *apprenticeship* bagi meletakkan pelatih-pelatih yang telah tamat latihan di dalam syarikat-syarikat pembinaan bagi mereka mendapat pengalaman bekerja di dalam industri. Ini akan meningkatkan kemahiran serta keyakinan diri pelatih bagi menyediakan mereka untuk kerjaya di dalam industri pembinaan.

Sejak Program Perantisan ini dilancarkan pada tahun 2016, CIDB telah membelanjakan lebih RM6.3 juta untuk membiayai seramai 1,800 personel binaan di dalam program ini. Program Perantisan ini telah dilaksanakan dengan kerjasama organisasi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), MRT Corporation, MMC-Gamuda, PETRONAS Chemicals Groups serta Lendlease.

Pusat Konvensyen CIDB Sarawak

Terdahulu, Menteri Kerja Raya telah merasmikan pembukaan Pusat Konvensyen CIDB Sarawak (CCCS) yang terletak di dalam Kompleks CIDB Sarawak, hari ini. Pusat Konvensyen tersebut merupakan sebahagian daripada pembinaan bagi

meningkatkan kemudahan yang disediakan di dalam Kompleks tersebut yang pada asalnya hanya mengandungi lokasi Pejabat CIDB dan Pusat Latihan ABM Sarawak.

Pengerusi CIDB, Tan Sri Dr. Ir Ahmad Tajuddin Ali di dalam ucapan alu-aluannya berkata, selain CCCS, tiga blok bangunan asrama dua tingkat dan juga enam buah fasiliti sukan telah siap dibina di dalam pembangunan fasa pertama ini yang menelan belanja sebanyak RM30 juta.

Pembinaan bangunan asrama tersebut adalah langkah positif yang diambil untuk meningkatkan keselesaan pelatih bagi menggalakkan lebih ramai belia dan personel dari negeri Sarawak untuk menjadi pekerja mahir dalam sektor pembinaan.

Penggunaan IBS

“Selaras dengan kewajipan penggunaan kaedah Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) untuk projek-projek kerajaan yang bernilai lebih RM10 juta, CIDB telah memastikan pembinaan CCCS dan blok asrama di dalam Kompleks ini menggunakan kaedah pembinaan IBS,” katanya.

Komponen IBS telah digunakan secara meluas untuk pembinaan Pusat Konvensyen dan blok asrama daripada panel lantai, dinding dan juga kekuda bumbung. Pembinaan CCCS ini telah berjaya mendapat 78 skor IBS, manakala pembinaan blok asrama pula berjaya mencapai skor IBS sebanyak 82.69.

Fasiliti yang disediakan di dalam Kompleks CIDB Sarawak ini terbuka untuk disewa oleh para penggiat industri pembinaan dan juga masyarakat setempat untuk mengadakan aktiviti yang bersesuaian.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.cidb.gov.my

#####

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
